

MAHATHIR - KTM

1984

KUALA LUMPUR, 6 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD PAGI INI MENJADI PEGAUAI TRAFIK KEHURMAT KERETAPITANAH MELAYU (KTM) APABILA BELIAU MENGANGKAT BENDERA HIJAU MELEPASKAN PERJALANAN EKSPRES SINARAN PAGI SERENTAK KE SINGAPURA DAN BUTTERWORTH DI PELANCARAN KOC-KOC BARU EKSPRES TERSEBUT.

TURUT MENYAKSIKAN PELANCARAN ITU IALAH MENTERI PENGANGKUTAN TAN SRI CHONGHON NYAN DAN TIMBALANNYA DATUK ASU HASSAN HAJI OMAR, MENTERI-MENTERI KABINET DAN PARA DIPLOMAT ASING.

SEBANYAK LAPAN KOC BARU TERMASUK LOKOMOTIF MASING-MASING BERLEPAS KEUTARA DAN SELATAN PUKUL 7.30 PAGI INI SEBAIK SAHAJA DILEPASKAN OLEH PERDANA MENTERI.

SEBELUM BERLEPAS DOA SELAMAT TELAH DIBACAKAN.

SEBELUM ITU PERDANA MENTERI DIIRINGI OLEH TAN SRI CHONG DAN DATUK ABU HASSAN SERTA PENGURUS BESAR KTM DATUK AHMAD BADRI MOHAMMAD BASIR TELAH MENAIKI KOC-KOC TERSEBUT DAN MELIHAT KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG TERDAPAT DI DALAMNYA. -- LAGI 0931/MK

ZCZC 0510

MAHATHIR - KTM 2 KUALA LUMPUR

KOC-KOC BUATAN KOREA ITU DILENGKAPKAN DENGAN TEMPAT DUDUK YANG BOLEH DIJADIKAN KERUSI SANDAR, PENGHAWA DINGIN, SISTEM SIARAYA, MUSIK DAN TAYANGAN VIDEO (BAGI KOC-KOC BERHAWA DINGIN).

PENGARAH TRAFIK KTM ENCIK MOHAMMAD ZIN BIN YUSOP MEMBERITAHUKAN TELAH MENGIKAT KONTRAK DENGAN SYARIKAT KOREAN SHIPYARD AND ENGINEERING CORPORATION (KSEC) BAGI MEMBEKALKAN 30 KOC BARU PADA AKHIR TAHUN 1982.

KOC-KOC ITU DIPASANG DILIMBUNGAN KAPAL MALAYSIAN SHIPYARD AND ENGINEERING (MSE) DIPASIR GUDANG, JOHOR BAHRU. SETAKAT INI, SEBANYAK 24 KOC TELAH DITERIMA OLEH KTM DAN 26 LAGI AKAN DIHANTAR SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT MENJELANG PERTENGAHAN TAHUN INI.

MENURUT ENCIK MOHAMMAD ZIN KTM MEMBELANJAKAN KIRA-KIRA \$32 JUTA BAGI KOC-KOC TERSEBUT.

KATANYA KTM JUGA MERANCANG UNTUK MENGGANTIKAN SEMUA KOC-KOC LAMA DENGAN YANG BARU TERMASUK UNTUK PERKHIDMATAN EKSPRES RAKYAT. -- LAGI 0935/MK

ZCZC 0511

MAHATHIR - KTM 3 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA SETIAP LOKOMOTIF BERTERANGA KIRA-KIRA \$3 JUTA MANAKALA KOC KELAS DUA EKSEKUTIF BERTERANGA DINGIN BERTERANGA \$810,000, TX AP-TX AP SATU, KOC KELAS TIGA EKSEKUTIF \$437,000, KOC HAWA DINGIN SIANG DAN MALAM \$787,000, KOC RESTORAN \$900,000 DAN KOC KELAS SATU BERTERANGA DINGIN \$800,000.

KATANYA MENGIKUT KONTRAK DENGAN KSEC KTM TELAH MEMBELI 15 LOKOMOTIF, 16 KOC HAWA DINGIN, 18 KOC KELAS TIGA, LAPAN KOC HAWA DINGIN SIANG DAN MALAM, MASING-MASING EMPAT KOC RESTORAN DAN KELAS SATU HAWA DINGIN.

BADAN LOKOMOTIF TERSEBUT DIBINA OLEH JEPUN MANAKALA ENJIN OLEH PERANCIS.

ENCIK MOHAMMAD ZIN BERKATA MASIH ADA LEBIH 100 KOC LAMA YANG AKAN DIGANTIKAN DENGAN KOC-KOC BARU. -- BERNAMA 0941/MK